

Tak nak, kami tak paksa

Oleh Aida Adilah Mat

aida_adilah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: "Dia tak nak, nak buat macam mana, kita hormati keputusannya," itu kata Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi berhubung keengganan bekas pelumba negara, Rosman Alwi memohon menjadi jurulatih skuad kebangsaan.

Sebelum ini Shapawi memaklumkan bahawa MSN bersedia menimbang permohonannya seandainya dia berminat untuk menjawat jawatan itu.

Katanya, MSN sentiasa mengamalkan dasar terbuka dan bersedia membuka pintu kepada siapa saja termasuk bekas juara Asia ber-



HARIAN METRO (M/S)
LAPORAN Harian Metro
semalam

15 FEBRUARI 2015

khidmat bersama MSN.

Namun kesediaan MSN ditolak Rosman yang kecewa dengan tindakan badan induk itu menolak permohonannya tanpa alasan kukuh.

"Semuanya terpulang kepada Rosman. Kalau dia tak nak, kita tiada hak untuk memaksa dan memang sentiasa menjadi amalan di MSN, kami sentiasa berbincang dan bersedia untuk apa juga perkara.

"Malah sebelum keputusan dibuat, kita meminta pandangan

PKBM dan persatuan negeri. Ia bukan keputusan sebelah pihak," kata Shapawi.

Shapawi berkata, memang menjadi misi dan harapannya untuk membawa seberapa ramai bekas pelumba tempatan sebagai jurulatih dan menggantikan tugas jurulatih luar.

Rosman meluahkan rasa kecewanya kerana empat kali permohonannya di tolak biarpun sudah

membuktikan kewibawaannya sebagai jurulatih apabila berjaya membawa skuad berbasikal Kedah meraih dua emas, dua perak dan satu gangsa pada Sukan Malaysia (SUKMA) 2014 hanya dalam tempoh enam bulan.

Rosman berkata, hatinya sudah tertutup selepas tindakannya memohon jawatan itu seperti seorang pengemis hanya kerana ingin menabur bakti kepada negara.

Noora Ashikin sambut baik penyelesaian kemelut MHC

TIMBALAN Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Raja Puan Sri Noora Ashikin Raja Abdullah menyambut baik saranan presiden badan induk hoki negara itu dalam menyelesaikan kemelut yang timbul berhubung pemilihan pucuk pimpinan baharu.

Kelmarin, Presiden MHC, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah memutuskan bahawa badan induk tersebut akan melakukan semula proses pemilihan dan pindaan perlembagaan agar menepati ketetapan yang telah diputuskan oleh Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) dan Pesuruhjaya Sukan.

"Saya menyambut baik keputusan tersebut yang mana mengambil kira semua pandangan dan nasihat yang diberikan

oleh Pesuruhjaya Sukan.

"Ini juga merupakan satu perkara yang kita nanti-nantikan," ujarnya.

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) badan induk tersebut terpaksa dibatalkan gara-gara pindaan perlembagaan baharu MHC yang dilakukan sewaktu Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) di Johor Bahru pada 13 Oktober lalu tidak mendapat kelulusan Pesuruhjaya Sukan kerana tidak teratur dan gagal mencukupi korum.

Noora Ashikin juga menyifatkan, keputusan itu sebagai sesuatu yang bertimbang rasa memandangkan perlu mengambil kira pelbagai faktor termasuk persetujuan FIH sebelum dapat meneruskan AGM.

"Dalam keadaan sekarang, akan diadakan mesyuarat dengan ahli-ahli majlis se-

lepas itu perlembagaan akan dikaji semula dan seterusnya akan dibawa ke EGM.

"Selepas dipersetujui, ia perlu mendapat kelulusan daripada FIH serta Pesuruhjaya Sukan terlebih dahulu sebelum AGM diadakan. Jadi, saya berlapang hati mengikuti proses ini kerana ia merupakan satu proses yang baik," jelasnya.

Antara pindaan perlembagaan yang tidak diluluskan itu ialah Artikel 23 membatalkan jawatan timbalan presiden boleh ditandingi sesiapa berbanding dikhususkan kepada wanita jika kerusi presiden itu menjadi milik lelaki, sekali gus mencetuskan kemelut antara dua calon penyandang

KOSMO (M/S/62)



KERATAN Kosmo! semalam.

15 FEBRUARI 2015

Noora Ashikin dan Datuk Nur Azmi Ahmad (Naib Presiden Kanan).

Difahamkan, MHC akan mengadakan mesyuarat bersama ahli-ahli majlis awal bulan depan.

Ia bagi menetapkan tarikh baharu EGM yang memerlukan notis selama 14 hari sebelum mendapat kelulusan daripada

FIH dan Pesuruhjaya Sukan terhadap sebarang pindaan pada perlembagaan lama.

Selepas segala-galanya selesai, MHC perlu menunggu pula selama 21 hari sebelum AGM boleh diadakan dan memilih pucuk pimpinan baharu badan induk tersebut.

Jangan fikir ganjaran – Ahmad Shapawi

KOSMO (M/S.62)

15 FEBRUARI 2015

MAJLIS Sukan Negara (MSN) mahu pemain sepak takraw mengetepikan sikap memeningkan ganjaran bagi memastikan sukan itu dapat berkembang dengan lebih baik.

Ketua Pengarah MSN, Datuk Ahmad Shapawi Ismail berkata, mereka perlu menjadikan sepak takraw sebahagian daripada 'sistem' kehidupan kerana minat dan perasaan cintakan sukan berkenaan akan membolehkannya terus maju.

"Saya juga pernah bermain sepak takraw dan melibatkan

diri dalam sukan ini tanpa pengaruh lain. Apa yang saya maksudkan adalah bagaimana dahulu kita bermain kerana minat dengan sukan ini tanpa (mempertimbangkan) ganjaran dan sebagainya.

"Jadi, saya minta semua pemain dapat memikirkan bagaimana sepak takraw boleh menjadi satu sukan yang boleh (mereka) cintai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Pembangunan Sepak Takraw Negara anjuran Persatuan Sepak

Takraw Malaysia (PSM) dengan kerjasama MSN di Kuala Lumpur semalam.

Turut hadir Presiden PSM, Datuk Ahmad Ismail.

Bengkel dua hari itu berakhir esok.

Mengenai bengkel itu, Ahmad Shapawi berkata, pihaknya akan menyediakan pelan tindakan ke arah membangunkan sukan itu melibatkan empat aspek utama iaitu atlet, kejurulatihan, pertandingan dan kemudahan latihan. - Bernama



AHMAD SHAPAWI (tiga dari kiri) bersama Ahmad (dua dari kiri) berbual dengan peserta Bengkel Pembangunan Sepak Takraw Negara di Kuala Lumpur semalam.



SULTAN IBRAHIM (depan, tiga dari kanan) bersama pemenang pada hari terakhir saingan Piala Monsun 2015 di Teluk Danga, Johor Bahru semalam.

Williams rakam kemenangan berganda

PELAYAR Britan, Ian Williams mencipta kemenangan berganda dengan merangkul kejuaraan Piala Monsun 2015, sekali gus dinobatkan juara dunia dalam Siri Jelajah Perlumbaan Dunia Alpari (AWMRT) di Teluk Danga, Johor Bahru semalam.

Williams meraih gelaran juara AWMRT buat kali kelima, sekali gus memecah rekod dunia dipegang pelayar Australia, Datuk Peter Gilmour yang muncul juara pada tahun 1990, 1997, 1998 dan 2006.

Jurumudi pasukan GAC Pindar itu sebelum ini memenangi siri dunia itu pada 2007, 2008, 2011 dan 2012.

Dalam saingan final Piala Monsun, Williams mudah menewaskan jurumudi Perancis, Mathieu Richard daripada pasukan LunaJets dengan kiraan 3-0.

Bagaimanapun, Williams mengesahkan gelaran dunia di peringkat separuh akhir pada sebelah pagi apabila mengalahkan Eric Monnin daripada pasukan SailBox dengan kiraan

15 FEBRUARI 2015
3-0.

Piala Monsun merupakan pentas terakhir dalam siri AWMRT musim ini.

Kejayaan dalam Piala Monsun 2015 membolehkan Williams mengumpul keseluruhan 132 mata untuk mengatasi pencabar terdekat, Taylor Canfield daripada pasukan US One dengan kelebihan 11 mata.

Menerusi kemenangan itu, Williams, yang dibantu empat kru Gerry Mitchell, Mal Parker, Chris Main dan Graeme Spence, membawa pulang hadiah wang tunai keseluruhan RM668,000 berserta sebuah piala pusingan.

Tempat ketiga disandang oleh Canfield selepas mengalahkan Monnin dalam saingan tempat ketiga dan keempat.

Canfield menerima hadiah wang tunai RM155,000 manakala Monnin pula RM140,000.

Penyampaian hadiah dan piala pusingan kepada pemenang disempurnakan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar. - Bernama

SPORT

SAILING

Double delight

LUCRATIVE DAY: Williams wins Monsoon Cup and fifth world title



The Sultan of Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar applauds Monsoon Cup winners GAC Pindar in Johor Baru yesterday. Pic by Zain Ahmed

CHUAH BEE KIM
news@rst.com.my

HAVING created history by clinching a fifth world title on the Alpari World Match Racing Tour in the morning, GAC Pindar's Ian Williams made it a double celebration by winning the Monsoon Cup of Malaysia yesterday.

The British born sailor and his crew — Graeme Spence, Mal Parker, Gerry Mitchell and Chris Main — took home RM310,000 for emerging Monsoon Cup champions, after five days of sailing held for the first time at Country Garden Danga Bay in Johor Baru.

Williams, a law graduate, received US\$100,000 (RM358,050) for winning the world title.

The Sultan of Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar presented the Monsoon Cup Malaysia to Williams.

Also present were the Tunku Temeng-

gong of Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim, Sports Minister Khairy Jamaludin and Alpari World Match Racing Tour executive director James Pleasance.

"It's incredible," said Williams. "When I started sailing full time, giving up my job as a lawyer, I was hoping to win one world championship one day, so to win five is incredible."

Second place in the Monsoon Cup went to Mathieu Richard (LunaJets) and his team comprising Greg Evrard, Thierry Briend, Olivier Herledant and Francois Verdier. They received RM215,000.

In the Alpari World Match Racing Tour, LunaJets came in third and sailed away with US\$70,000.

Taylor Canfield (USOne) and his crew — Rod Dawson, Dan Morris, Mike Rehe and Heyden Goodrick — won second place (US\$80,000) in the Alpari World Match Racing Tour, and third in the Monsoon Cup race (RM155,000).



SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar (hadapan, tiga dari kanan) dan Khairy Jamaluddin (hadapan, dua dari kanan), bergambar bersama pasukan pemenang tempat pertama hingga ketiga selepas menyampaikan trofi Piala Monsun 2015 kepada Ian Williams di Teluk Danga, Johor Bahru, semalam. - MINGGUAN/AMIN FARIJ HASAN

UTUSAN MALAYSIA (M/S 24)

15 FEBRUARI 2015

Williams juara dunia kali kelima

JOHOR BAHRU - Pelayar Britain, Ian Williams muncul juara dunia buat kali kelima selepas muncul juara perlumbaan kapal layar Piala Monsun 2015 di Teluk Danga semalam, yang merupakan kejohanan dalam Siri Jelajah Dunia Alpari (AWMRT).

Kemenangan tersebut menyaksikan jurumudi pasukan GAC Pindar itu mencatat rekod baharu AWMRT dengan mengatasi rekod pelayar Australia, Datuk Peter Gilmour yang memenanginya pada 1990, 1997, 1998, 2006.

Williams sebelum ini menang pada 2007, 2008, 2011 dan 2012.

Williams mengesahkan kejuaraan kelimanya selepas menewaskan Eric Monnin dari pasukan Sail Box dalam saingan separuh akhir sebelum mengalahkan jurumudi



Mathieu Richard dari pasukan Luna Jets dalam perlumbaan akhir.

Williams menyifatkan kemenangan kali kelima kejuaraan tersebut adalah sesuatu yang luar biasa dan menakjubkan.

"Ketika saya mula melibatkan diri dalam sukan ini, saya berharap

dapat memenangi piala berprestij ini walaupun hanya sekali sahaja sepanjang penglibatan saya. Jadi untuk bergelar juara dunia lima kali, ini merupakan sesuatu yang amat luar biasa," katanya.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan mencemar duli menyempurnakan majlis penyampaian hadiah dan trofi kepada para pemenang.

Turut menyaksikan penyampaian hadiah tersebut adalah Tunku Laksamana Johor, Tunku Abdul Jalil Sultan Ibrahim.

Hadir sama Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin dan Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Zulkurnain Kamisan.

Kemenangan berganda itu membolehkan pasukannya membawa pulang hadiah keseluruhan berjumlah RM668,000.